

KESEDARAN DAN KEPATUHAN WANITA TERHADAP PEMBAYARAN ZAKAT EMAS PERHIASAN DI SELANGOR

Fadilah Mat Nor, Teh Suhaila Tajuddin, Aza Shahnaz Azman

fadilahmn@kuis.edu.my, tehsuhaila@kuis.edu.my, azashahnaz@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk menguji tahap kesedaran dan kepatuhan membayar zakat Emas Perhiasan di kalangan wanita di negeri Selangor. Disamping untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran dan kepatuhan membayar zakat tersebut. Kajian ini dikemukakan berikutan tren jumlah kutipan zakat terhadap jenis zakat emas dilihat kerap berada di tangga terbawah dalam senarai kutipan zakat negeri Selangor dan kebanyakan negeri di Malaysia (Rujuk laporan LZS 2010-1017). Hal ini sekaligus menimbulkan tanda tanya apakah tahap kesedaran wanita sebagai golongan sasaran serta apakah faktor-faktor yang mempengaruhi tren ini. Sekalipun kutipan terhadap zakat ini bukanlah sumber utama kutipan di kebanyakan negeri termasuk Selangor, tetapi pertambahan populasi wanita sebagai golongan sasaran sebagai *muzakki* wajar dikaji bagi menjawab persoalan-persoalan yang diutarakan. Justeru, Kertas kerja ini akan mengemukakan dan membentangkan kemajuan penyelidikan seperti dapatan kajian rintis, instrumen kajian serta masalah-masalah yang dihadapi semasa proses mengutip data. Kajian juga telah menggunakan Teori Gelagat Terancang (*Teory Of Planned Behavior*) bagi mengukur ramalan kepatuhan wanita terhadap pembayaran zakat emas.

Kata Kunci: Zakat Emas Perhiasan, Wanita, Tahap Kesedaran, Teori Gelagat Terancang, Niat Kepatuhan.

1.0 PENGENALAN

Islam memandang emas sebagai simbol kekayaan harta yang berharga dan mampu berkembang. Pada masa dahulu emas diguna sebagai wang dalam urusan jual beli. Emas-emas ditempa menjadi kepingan berbentuk syiling (dinar) dan juga dibentuk menjadi barang perhiasan wanita. Oleh sebab keistimewaan yang dimiliki oleh emas dan menjadi ukuran kekayaan maka Islam mewajibkan zakat ke atas emas. Kewajipan menunaikan zakat emas telah disebutkan secara terang dan jelas dalam kitab suci al-Quran yang bermaksud: “Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya ada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): “Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu” [At-Taubah (9): 34-35].

Kepatuhan membayar zakat emas merupakan suatu perkara yang penting dalam meningkatkan kutipan zakat. Namun kefahaman masyarakat tentang kewajipan pembayaran zakat emas masih lagi ditahap yang tidak memuaskan. Kutipan zakat adalah bertujuan untuk diagihkan kepada golongan asnaf iaitu miskin (orang yang penghasilannya tidak mencukupi), riqab (hamba atau budak), gharim (orang yang memiliki banyak hutang), muallaf (orang yang baru masuk Islam), fisabilillah (pejuang di jalan Allah SWT), Ibnu Sabil (musafir dan para pelajar perantauan) dan juga amil zakat (panitia penerima dan pengelola dana zakat) seperti mana yang telah dinyatakan di dalam al-Quran.

Rentetan itu, adalah penting untuk kajian ini dilakukan bagi mengukur tahap pemahaman wanita terhadap zakat emas perhiasan dan mengenal pasti pengaruh sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan gelagat dalam meramal kepatuhan wanita terhadap zakat emas perhiasan dengan menggunakan teori gelagat terancang. Oleh itu, pemantauan yang berterusan dan gerak kerja yang cekap perlu ditekankan pada masa kini supaya masyarakat Islam sedar akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai seorang muslim yang wajib menunaikan ibadah zakat.

Tambahan pula belum ada kajian tentang zakat emas perhiasan yang khusus dijalankan bagi menjelaskan tentang fenomena gelagat kepatuhan zakat tanaman ini. Justeru, kajian ini cuba

untuk memberi penjelasan berkaitan fenomena diatas dengan mengaplikasikan teori dan metodologi daripada kajian-kajian lepas berkaitan dengan gelagat kepatuhan. Disamping itu juga, adalah bertujuan untuk mendapatkan kefahaman mengenai gelagat kepatuhan zakat emas perhiasan dengan mengkaji peranan pembolehubah-pembolehubah dalam teori gelagat terancang tersebut.

1.1 Permasalahan Kajian

Zakat emas dibahagikan kepada dua iaitu zakat emas simpan dan zakat emas perhiasan. Kajian ini memfokuskan tentang zakat emas perhiasan kerana merupakan salah satu dari zakat harta yang diwajibkan ke atas umat Islam di Malaysia. Kewajipan ini ditetapkan berdasarkan fatwa negeri-negeri dan ianya tidak seragam di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Ramai di kalangan masyarakat Islam di Malaysia mempunyai persepsi bahawa barang perhiasan tidak dikenakan zakat sebanyak manapun ia dimiliki dengan syarat ia dipakai sebagai perhiasan wanita. Mengikut data pencapaian kutipan zakat di Selangor, statistik menunjukkan prestasi pencapaian kutipan zakat tanaman adalah semakin meningkat dari tahun 2011 hingga 2017, walaubagaimana pun mengikut sumber laporan kutipan dan agihan zakat di Selangor juga mendapati kutipan zakat emas adalah kurang memberangsangkan iaitu di tangga ke tiga terendah berbanding dengan kutipan zakat yang lain (rujuk juga peratusan sumbangan yang tidak pernah melebihi 1% sejak 2011).

Jadual 1: Statistik Kutipan Zakat Emas Di Negeri Selangor Tahun 2011 Hingga 2017

Tahun	Jumlah kutipan (RM juta)	Peratusan Sumbangan Keseluruhan Kutipan (%)
2011	1,310,000	0.33
2012	2,080,000	0.47
2013	2,433,929	0.46
2014	2,501,603	0.42
2015	2,759,502	0.39
2016	2,358,429	0.40
2017	3 111 911	0.41

Sumber : Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Di Negeri Selangor LZS (2011-2017)

Keadaan ini menimbulkan kebimbangan dan persoalan mengapa kutipan zakat emas kurang memberangsangkan. Hal ini kerana adalah mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan penduduk wanita di negeri Selangor semakin meningkat. Justeru, satu kajian perlu dijalankan bagi membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi kepatuhan wanita terhadap bayaran zakat emas perhiasan berikutan kutipan zakat emas masih di antara yang terendah. Selain itu juga bagi mengukur sejauh mana tahap pemahaman wanita terhadap pembayaran zakat emas perhiasan. Selain daripada itu, kajian-kajian lepas hanya banyak memfokuskan mengenai perbincangan fiqh merangkumi isu uruf, jenis emas dan penetapan uruf mengikut kawasan masing-masing. Justeru masih terdapat jurang kajian yang mengkaji secara empirikal mengenai zakat emas perhiasan. Oleh itu, kajian ini telah menggariskan beberapa persoalan dan objektif kajian bagi membincangkan serta menganalisis isu yang berkaitan.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk:

- i. Kenalpasti tahap kesedaran dan kepatuhan membayar zakat Emas Perhiasan di kalangan wanita.
- ii. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran dan kepatuhan membayar zakat Emas perhiasan.
- iii. Mencadangkan langkah-langkah bagi institusi zakat meningkatkan dan memperbaiki prestasi kutipan zakat Emas perhiasan di Selangor.

Walau bagaimanapun, objektif kertas kerja ini adalah secara khusus ingin membincangkan kemajuan penyelidikan ini. Maka, kertas kerja ini hanya membentang dan menganalisa kepurusan kajian rintis dan beberapa masalah dan cabaran setakat tempoh tersebut.

1.3 Kepentingan Kajian

Skop kajian menjurus kepada para wanita di Selangor yang memakai emas untuk perhiasan. Skop kajian yang tertumpu kepada para wanota di Selangor kerana kebanyakan mereka adalah muslim. Justeru, banyak maklumat yang akan dapat diperolehi dalam menjalankan kajian kepatuhan membayar zakat emas perhiasan ini. Selain itu, skop kajian juga tertumpu kepada penggunaan teori gelagat terancang bagi mengenalpasti pengaruh faktor-faktor tersebut dalam

perlaksanaan pembayaran zakat emas perhiasan oleh para wanita. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan wanita terhadap zakat emas perhiasan. Hal ini seterusnya dapat mengukur potensi kaum wanita dalam membayar zakat emas perhiasan mengikut tahap pengetahuan yang telah dikenal pasti.

Di samping itu, kajian ini juga bagi mengenal pasti pengaruh faktor sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan gelagat yang mempengaruhi kaum wanita dalam gelagat mereka terhadap pembayaran zakat emas perhiasan. Kajian ini juga dapat menunjukkan bagaimana teori gelagat terancang ini mampu mentaksir niat para petani dalam melaksanakan ibadah zakat khususnya kepada zakat emas. Tambahan pula, kepentingan daripada kajian ini juga dapat melihat bagaimana kesediaan para wanita dalam pelaksanaan bayaran zakat emas perhiasan khususnya di Selangor. Bahkan, ia juga boleh dijadikan sumber rujukan bagi kajian pada masa hadapan.

2.0 METODOLOGI

Model Kesedaran Pembayaran zakat oleh Hairunnizam Wahi, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor (2010) di dalam jurnal yang bertajuk 'Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia' akan sebagai kerangka teori. Disamping kajian juga akan merujuk kepada Teori Gelagat Terancang (TGT) oleh Ajzen (1998) bagi merangka Model gelagat kepatuhan terhadap zakat emas perhiasan.

Bagi tujuan pengumpulan data adalah menggunakan penyelidikan secara kuantitatif hasil daripada kaedah persampelan kluster di dalam persampelan rawak mudah. Kajian kuantitatif hasil daripada kaedah persampelan rawak mudah dengan jumlah responden disasarkan seramai 500 orang. Skop sampel adalah wanita yang bekerja atau yang menetap di Selangor. Instrumen penyelidikan menggunakan borang soal selidik (data primer). Instrument penyelidikan menggunakan borang soal selidik bagi memperolehi data primer. Pembinaan item soal selidik adalah mengikut pembolehubah yang telah dikenal pasti iaitu konstruk bagi demografi, tahap pengetahuan agama terhadap zakat emas, sikap, dorongan sosial dan kepuasan agihan zakat secara keseluruhan. Penganalisan data statistik deskriptif (frekuensi, min dan peratusan) dan juga menggunakan analisis regresi berganda untuk mengenal pasti

pembolehubah yang signifikan sebagai faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat emas. Model kesedaran yang akan diadaptasi adalah seperti berikut:

$$L = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \beta_7 X_7 + \beta_8 X_8 + \beta_9 X_9 + \beta_{10} X_{10} + \beta_{11} X_{11}$$

Di mana :

L adalah log bagi nisbah 'odds' kepatuhan

X1 adalah umur responden

X2 adalah dami taraf perkahwinan;

X3 adalah dami tahap pendidikan;

X4 adalah dami bekerja;

X5 adalah dami jenis pekerjaan;

X6 adalah jumlah pendapatan bulanan

X7 adalah bilangan tanggungan

X8 adalah jumlah perbelanjaan bulanan isi rumah

X9 adalah sikap

X10 adalah norma subjektif

X11 adalah kawalan gelagat ditanggap

Beberapa pembolehubah telah dikeluarkan daripada model kajian iaitu factor kepuasan/ persepsi agihan zakat kerana telah proksi dengan factor dorongan social. Manakala faktor pengeahuan agama telah diproksikan dengan factor sikap. Kedua-dua factor ini telah termuat di dalam teori gelagat terancang.

3.0 KEPUTUSAN KAJIAN

Bagi memastikan kebolehpercayaan terhadap set-set soal selidik yang disediakan, maka satu kajian rintis dijalankan ke atas 30 orang responden yang terdiri daripada wanita di Selangor. Kajian rintis ini dijalankan dengan tujuan untuk menguji kesahan setiap item dalam soal selidik yang dipilih sebelum kajian sebenar dijalankan. Ianya juga bertujuan untuk mengenal pasti masalah-masalah yang timbul sewaktu soal selidik dijalankan. Secara keseluruhannya, responden memahami soalan yang diberi dan telah menjawab soalan dengan baik.

Bagi memperoleh data tersebut, pengkaji telah menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) Data Editor versi 24.0 melalui nilai Cronbach Alpha bagi mengetahui ukuran kebolehpercayaan instrumen kajian ini.

Jadual 2: Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis

Item	Jumlah Soalan (N)	Cronbach Alpha
Niat	5	0.72
Sikap	5	0.73
Norma Subjektif	5	0.60
Persepsi Kawalan Gelagat	5	0.78

Jadual memaparkan statistik kebolehpercayaan bagi mendapat Cronbach Alpha. Berdasarkan Jadual 2 diatas, berikut adalah keputusan kajian rintis terhadap kebolehpercayaan statistik yang diperolehi. Daripada perolehan data tersebut menunjukkan hasil cronbach's alpha untuk bahagian C iaitu bagi pembolehubah bersandar pula adalah 0.72, manakala untuk pembolehubah tidak bersandar iaitu sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan gelagat adalah masing-masing 0.73, 0.60 dan 0.78. Keputusan data ini menunjukkan soalan-soalan yang dinyatakan didalam borang soal selidik adalah sederhana baik dan boleh diteruskan. Menurut Mohammad Najib (1990), nilai kebolehpercayaan pada 0.60 boleh diguna pakai.

4.0 PERBINCANGAN

Berikutan keputusan kajian rintis, kesemua instrument soalan boleh disahkan dan diteruskan ke peringkat seterusnya iaitu pengumpulan data sebenar. Setakat ogos 2018, seramai 218 daripada 500 responden telah berjaya dikutip. Bermakna kajian masih berbaki 292 responden untuk dilengkapkan. Responden adalah terhad kepada wanita yang bekerja atau menetap di Selangor yang merangkumi 3 daerah utama iaitu di Daerah Petaling, Hulu Langat dan Sepang.

Beberapa masalah atau cabaran yang telah dikenal pasti sepanjang kajian dijalankan antaranya ialah faktor kepercayaan responden sekalipun soalan kajian tidak bertanyakan tentang jumlah emas yang dipakai. Kebanyakan responden merasakan

soal pemakaian emas adalah peribadi dan tidak patut didedahkan atas sebab keselamatan. Penemuan awal juga mendapati bahawa, kebanyakan responden tidak memahami konsep '*uruf*' yang menjadi asas kepada pengenaaan zakat emas perhiasan. Walaubagaimanapun agak ramai responden menunjukkan kesediaan membayar emas sekiranya mendapat pendedahan awal dan maklumat oleh pihak berwajib seperti *amil* dan pihak LZS.

5.0 KESIMPULAN

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk menguji tahap kesedaran dan kepatuhan membayar zakat Emas Perhiasan di kalangan wanita di negeri Selangor. Disamping untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran dan kepatuhan membayar zakat tersebut. Kajian ini dikemukakan berikutan tren jumlah kutipan zakat terhadap jenis zakat emas dilihat kerap berada di tangga terbawah dalam senarai kutipan zakat negeri Selangor dan kebanyakan negeri di Malaysia (Rujuk laporan LZS 2010-1017). Justeru, Kertas kerja ini akan mengemukakan dan membentangkan kemajuan penyelidikan seperti dapatan kajian rintis, instrumen kajian serta masalah-maslah yang dihadapi semasa proses mengutip data. Kajian juga telah menggunakan Teori Gelagat Terancang (*Teory of Planned Behavior*) bagi mengukur ramalan kepatuhan wanita terhadap pembayaran zakat emas. Daripada keputusan kajian rintis, kesemua instrumen boleh diteruskan bagi pengumpulan data sebenar. Masalah dan cabaran kajian telah dikenal pasti dan pengkaji telah merangka beberapa strategi bagi memastikan sasaran bilangan responden dapat dipenuhi dalam masa yang ditetapkan. Antaranya akan menjalankan boring soal selidik secara maya atau atas talian bai mempercepatkan proses kutipan data sekaligus menyempurnakan analisis data sebenar.

RUJUKAN

- Ajzen, I. 1991. The Theory of Planned Behaviour. *Organization Behaviour and Human Decision Processes*, 50, 179-211.
- Ajzen, I. 2005. *Attitudes, Personality and Behaviour (Second)*. London, UK: Open University Press.
- Ajzen, I. 2012. The Theory of Planned Behaviour. In Lange, Kruglanski, & Higgins (Eds.), *Handbook of Theories of Social Psychology (Vol. 1, pp. 438–439)*. London, UK: Sage.
- Ajzen, I., Joyce, N., Sheikh, S., & Cote, N. G. 2011. Knowledge and the prediction of behavior: The role of information accuracy in the theory of planned behavior. *Basic and Applied Social Psychology*, 33(2), 101–117.
- Abdul Rahim Abdul Rahman. 2004. 'Menangani Cabaran Semasa Institusi Zakat di Malaysia: Satu Analisis'. *IKIM Jurnal*. 12/1: 103-115.
- Abidin, Z., dan Md. Idris, K. 2009. Sikap, Norma Subjektif Dan Kawalan Gelagat Ditanggap Terhadap Niat Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji. *IJMS*, 16 (1), 31– 55.
- Nur Ain Afiqah. 2016. *Kefahaman Dan Kesediaan Pengusaha IKS Terhadap Pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA): Kajian Kes di Kawasan Hulu Langat Selangor*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Saad, R. A. J., Bidin, Z., Idris, K. M., & Hussain, M. H. M. 2010. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan. *Jurnal Pengurusan* 30(3), 49– 61.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2009. Potensi dan Cabaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Sektor Pertanian. *Kumpulan Kajian Ekonomi & Kewangan Islam Pusat Pengajian Ekonomi, UKM*.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan. 2006. "Potensi dan Cabaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Sektor Pertanian di Malaysia." *Jurnal Manajemen dan Bisnis* 12, no. 1: 65-75.
- Kamil Md Idris, Chek Derashid, & Engku Ismail Engku Ali. 1997. Zakat penggajian: Suatu tinjauan terhadap pengetahuan dan amalan Muslimin negeri Perlis, Kertas kerja dibentangkan di Seminar Penyelidikan Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Kamil Md Idris. 2002. *Gelagat kepatuhan zakat gaji di kalangan kakitangan awam*. (Tesis Ph.D tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia, Malaysia.